

15/01/1997

Melamar teraju utama IT ke Koridor Raya Multimedia

Ahmad Ghazali Musa

PANEL Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dianggotai 24 peneraju dari pelbagai segmen IT adalah langkah susulan kerajaan mempromosi dan membangunkan MSC.

Tentunya perjumpaan pertama panel IAP di Universiti Stanford, California, tempat yang melahirkan banyak ilmuwan, pakar dan peneraju utama IT yang dijadualkan berlangsung esok mampu mencetus idea jitu, sekaligus menarik minat teraju utama IT untuk melihat MSC sebagai lokasi strategik dan berupaya mendatangkan pendapatan lumayan (Komputer 30 Oktober 1996).

IAP membariskan tokoh korporat IT terkemuka seperti Louis Gerstner dari IBM, Bill Gates (Microsoft), Scott McNealy (Sun), Dr Jim Clark (Netscape), Lewis Platt (Hewlett-Packard), Eckhard Pfeiffer (Compaq), Larry Ellison (Oracle), dua wakil Universiti Stanford, Prof William Miller dan Michael Spence selain tokoh telekomunikasi Jepun serta ahli perniagaan terkemuka Kanada dan Eropah.

Pertemuan itu membolehkan delegasi Malaysia terdiri daripada tokoh-tokoh IT tempatan diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (MTMK) untuk menggarap pengalaman dan ilmu untuk pembangunan MSC (Komputer 20 November).

Perjumpaan itu dapat memberi gambaran jelas kepada peneraju IT terbabit apakah kelebihan, fungsi dan objektif MSC, kawasan yang mampu meletakkan syarikat terbabit sebagai pendahulu dalam arena persaingan pasaran IT di Asia yang kini mengalami pertumbuhan pesat.

Yang agak istimewa dalam pertemuan IAP itu ialah ia dibuat di Universiti Stanford pencetus pertumbuhan IT di Lembah Silikon, mungkin menjadi model utama MSC (Fokus Komputer, 9 Oktober 1996).

Banyak ilmu dan pengalaman dapat ditimba dari universiti terbabit bagaimana ia dapat mengeluarkan graduan pertama dan pengasas Hewlett-Packard, David Packard dan Bill Hewlett yang memulakan operasi di sebuah garaj kereta buruk sebelum berkembang dan menjadi pemangkin pertumbuhan IT di kawasan sekitar (Komputer, 9 Oktober 1996).

Dalam konteks ini, mungkin Universiti Multimedia di dalam kawasan pembangunan MSC, yang diumumkan kerajaan baru-baru ini, dapat memainkan peranan serupa Stanford.

Perdana Menteri yang mengetuai delegasi Malaysia ke Amerika Syarikat untuk lawatan empat hari bermula 13 hingga 16 Januari mempengerusikan perjumpaan IAP yang buat julung kalinya itu selepas mengadakan mesyuarat industri di Universiti California.

Selain membincangkan isu global, perjumpaan itu juga untuk bertukar idea mengenai arah dan tujuan yang bakal diambil Malaysia dalam membangunkan industri multimedia tempatan (Fokus Komputer, 1 Januari 1997).

(END)